

RANGKUMAN PRESTASI EKONOMI MALAYSIA 2024

Ekonomi Malaysia berkembang 5.1 peratus pada tahun 2024 daripada 3.5 peratus pada tahun sebelumnya. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia pada tahun 2024 merekodkan RM1.93 trillion pada harga semasa dan RM1.65 trillion pada harga malar.

KDNK KADEAH PENGELOUARAN


Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan yang menyumbang 82.5 peratus daripada jumlah KDNK.

PRESTASI KDNK

Perubahan Peratusan Tahunan (%)



Nota: Tidak termasuk duti import



Sektor **Perkhidmatan** mencatatkan pertumbuhan 5.3 peratus (2023: 5.1%) pada tahun 2024. Prestasi ini disokong oleh pertumbuhan berterusan dalam subsektor utama. Perdagangan borong & runcit berkembang 4.3 peratus (2023: 5.9%) dan Pengangkutan & penyimpanan mencatatkan pertumbuhan kukuh 10.7 peratus (2023: 13.6%).

Sektor **Pembuatan** meningkat 4.2 peratus (2023: 0.7%) pada tahun 2024. Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan dalam subsektor utama seperti Komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna yang bertumbuh 4.0 peratus (2023: -3.0%), diikuti Produk logam yang direka 9.1 peratus (2023: 7.0%) dan Prosesan makanan meningkat 4.7 peratus (2023: 5.6%).

Sektor **Pertanian** berkembang 3.1 peratus pada tahun 2024 berbanding 0.2 peratus pada tahun 2023. Prestasi ini didorong oleh pemulihran dalam pengeluaran kelapa sawit yang meningkat 5.1 peratus (2023: 0.2%). Subsektor Ternakan dan Pertanian lain masing-masing mencatatkan pertumbuhan 3.3 peratus (2023: 1.5%) dan 1.3 peratus (2023: 1.9%).

Sektor **Perlombongan dan Pengkuarian** bertumbuh sederhana 0.9 peratus berbanding 0.5 peratus pada tahun 2023. Pertumbuhan ini disumbangkan oleh subsektor Gas asli yang berkembang 3.0 peratus (2023: 0.6%) dan Perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan yang meningkat 3.4 peratus (2023: 4.3%).

Sektor **Pembinaan** melonjak 17.5 peratus berbanding 6.0 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan kukuh sektor ini dipacu oleh peningkatan dua digit dalam semua subsektor, diterajui oleh Aktiviti pembinaan pertukangan khas, Kejuruteraan awam dan Bangunan kediaman yang masing-masing meningkat 21.0 peratus (2023: 6.6%), 16.3 peratus (2023: 14.5%) dan 18.8 peratus (2023: 2.4%).



KDNK KAE DAH PERBELANJAAN

Perbelanjaan penggunaan akhir swasta kekal sebagai penyumbang utama dari segi permintaan merangkumi 60.7 peratus daripada KDNK pada tahun 2024.




Perbelanjaan penggunaan akhir swasta menokok kepada 5.1 peratus daripada 4.6 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi yang lebih baik ini didorong oleh perbelanjaan penggunaan ke atas Pengangkutan, Makanan & minuman bukan alkohol dan Restoran & hotel.

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan berkembang 4.7 peratus berbanding 3.4 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini disumbangkan oleh perbelanjaan ke atas perkhidmatan ekonomi dan pendidikan yang menyumbang kepada keseluruhan perbelanjaan kerajaan pada tahun 2024.

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) melonjak kepada 12.0 peratus (2023: 5.4%). Pengembangan ini didorong oleh Jentera & peralatan dan Struktur yang masing-masing meningkat 15.3 peratus (2023: 6.1%) dan 9.3 peratus (2023: 5.1%).

Perbelanjaan Penggunaan Akhir Swasta



Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan



Pembentukan Modal Tetap Kasar



Eksport



Import



Eksport pulih kepada 8.3 peratus berbanding kejatuhan 7.9 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi ini disokong oleh Eksport barang yang meningkat 5.3 peratus (2023: -12.5%) dan menyumbang 83.0 peratus daripada jumlah Eksport. Sementara itu, Eksport perkhidmatan bertumbuh 25.5 peratus daripada 32.9 peratus pada tahun 2023.

Import menokok kepada 8.2 peratus (2023: -6.8%) Import barang dan perkhidmatan masing-masing merekodkan pertumbuhan 8.9 peratus dan 5.7 peratus. Dari segi sumbangan, Import barang berjumlah 81.2 peratus daripada jumlah Import keseluruhan.



KDNK Kaedah Pendapatan

KDNK PADA HARGA SEMASA
RM1,932.3 bilion

Pampasan Pekerja
33.6% (33.5%) kepada KDNK
Y-o-Y 6.1% | 4.6%

Lebihan Kendalian Kasar
63.7% (64.3%) kepada KDNK
Y-o-Y 5.0% | -2.1%

Cukai tolak Subsidi
2.7% (2.2%) kepada KDNK
Y-o-Y 29.3% | -215.4%

Pampasan Pekerja (PP) menyumbang 33.6 peratus kepada KDNK Malaysia, meningkat daripada 33.5 peratus pada tahun sebelumnya, dengan pertumbuhan 6.1 peratus (2023: 4.6%). PP mencatatkan nilai RM648.5 bilion (2023: RM611.1 bilion), disokong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan dan Pembinaan.

Lebihan Kendalian Kasar (LKK) yang kekal sebagai komponen pendapatan terbesar dengan sumbangan 63.7 peratus (2023: 64.3%), pulih kepada 5.0 peratus daripada penurunan 2.1 peratus pada tahun sebelumnya. Pemulihan ini dipengaruhi oleh prestasi yang lebih baik dalam sektor Perkhidmatan, Pertanian dan Pembuatan pada tahun 2024. LKK merekodkan nilai RM1,231.5 bilion berbanding RM1,172.5 bilion pada tahun sebelumnya.

Cukai bersih menyumbang 2.7 peratus (2023: 2.2%) kepada ekonomi Malaysia, dengan pertumbuhan dua digit 29.3 peratus berbanding lonjakan 215.4 peratus pada tahun 2023. Pertumbuhan ini disebabkan oleh prestasi yang kukuh dalam cukai ke atas pengeluaran dan import yang meningkat 13.8 peratus (2023: 4.2%). Sementara itu, subsidi meningkat marginal 0.2 peratus (2023: -34.2%), dipengaruhi oleh prestasi dalam subsidi ke atas pengeluaran. Cukai bersih mencatatkan nilai RM52.3 bilion berbanding RM40.5 bilion pada tahun sebelumnya.

2024

Pampasan Pekerja



Pertanian



Y-o-Y

11.1% (0.7%)



Perlombongan & pengkuarian



Y-o-Y

14.2% (9.2%)



Pembuatan



Y-o-Y

2.2% (3.3%)



Pembinaan



Y-o-Y

18.0% (8.2%)



Perkhidmatan



Y-o-Y

5.5% (4.8%)

Lebihan Kendalian Kasar



Y-o-Y

10.2% (-14.4%)



Y-o-Y

-1.6% (-14.6%)



Y-o-Y

3.9% (-5.7%)



Y-o-Y

15.9% (-2.2%)



Y-o-Y

5.7% (5.8%)

Nota: ()data tahun 2023

Sumbangan kepada Nilai ditambah



KDNK MENGIKUT NEGERI

Bagi prestasi ekonomi mengikut negeri, lima (5) negeri mencatatkan pertumbuhan mengatasi kadar nasional 5.1 peratus, didahului oleh Johor (6.4%), Selangor (6.3%), W.P. Kuala Lumpur (6.2%), Pahang (5.7%) dan W.P. Labuan (5.4%). Sementara itu, Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Johor, Sarawak, Pulau Pinang dan Perak menjadi penyumbang utama kepada KDNK Malaysia dengan sumbangan sebanyak 73.4 peratus.


Prestasi ekonomi Johor dipacu oleh sektor Perkhidmatan yang berkembang 6.0 peratus didorong oleh peningkatan dalam subsektor Kewangan & insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan serta subsektor Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan ICT. Sektor Pembinaan dan Pembuatan pula masing-masing tumbuh pada kadar 42.7 peratus dan 4.2 peratus. Secara kumulatif, tiga (3) sektor ini menyumbang sebanyak 87.0 peratus atau RM137.5 bilion kepada KDNK Johor.

Sementara itu, KDNK negeri Selangor didorong oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan yang masing-masing meningkat 6.3 peratus dan 5.1 peratus. Prestasi positif dalam sektor Perkhidmatan disumbangkan oleh subsektor Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan ICT serta subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan.

Seterusnya bagi W.P. Kuala Lumpur, sektor Perkhidmatan menjadi pemacu utama ekonomi negeri dengan pertumbuhan 5.5 peratus mengatasi pencapaian nasional. Peningkatan ini disokong oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan serta subsektor Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan.

Pada masa yang sama, sektor perkhidmatan turut berperanan sebagai penyumbang utama kepada prestasi KDNK negeri Pahang dan W.P. Labuan. Bagi negeri Pahang, sektor Perkhidmatan berkembang 4.9 peratus, didorong oleh industri berkaitan pelancongan iaitu Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan serta Perkhidmatan lain. Bagi W.P. Labuan pula, sektor Perkhidmatan berkembang 6.4 peratus disokong oleh pertumbuhan dalam subsektor Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan terutamanya aktiviti Kewangan dan insurans.

Beralih ke KDNK per kapita, lima (5) negeri merekodkan nilai KDNK per kapita melebihi paras nasional (RM56,745) iaitu W.P. Kuala Lumpur (RM136,364), W.P. Labuan (RM87,041), Pulau Pinang (RM76,030), Sarawak (RM73,444) dan Selangor (RM65,913).



PEMBENTUKAN MODAL TETAP KASAR (PMTK)

Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK) Malaysia pada harga malar mencatatkan RM352.3 bilion, dengan pertumbuhan 12.0 peratus berbanding 5.4 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini dipacu oleh prestasi kukuh dalam aktiviti Perkhidmatan, Pembuatan dan Pembinaan. PMTK kekal sebagai penyumbang kedua terbesar kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), dengan sumbangan 21.3 peratus.

PMTK 2024

Meningkat kepada **12.0 peratus**
dengan nilai **RM352.3 billion**

Kadar Pertumbuhan Tahunan



12.0% 2024

5.4% 2023

Sumbangan kepada KDNK



21.3% 2024


20.0% 2023

Peratus Pertumbuhan Tahunan PMTK Mengikut Sektor dan Jenis Aktiviti Ekonomi

Sektor	Awam		Swasta	
	2023	2024	2023	2024
Perkhidmatan	10.0%	15.2%	2023: 7.8%	2023: 5.3%
Pembuatan	16.8%	11.2%	2023: 7.8%	2023: 5.2%
Perlombongan & pengkuarian	15.4%	-3.1%	2023: 14.8%	2023: -1.6%
Pertanian	7.5%	3.0%	2023: 5.6%	2023: 0.7%
Pembinaan	11.1%	4.2%	2023: 10.9%	2023: 2.2%

■ Awam ■ Swasta

Peratus Sumbangan PMTK Mengikut Sektor dan Jenis Aktiviti Ekonomi



■ Swasta ■ Awam

PMTK dalam aktiviti **Perkhidmatan** meningkat 13.8 peratus (2023: 2.7%), dipacu oleh pertumbuhan dalam sub aktiviti Makanan & minuman dan penginapan (14.1 peratus), Pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi (16.4 peratus) serta Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan (13.6 peratus) pada tahun 2024.

Perolehan aset tetap dalam aktiviti **Pembuatan** melonjak 11.8 peratus (2023: 5.4%) disokong oleh peningkatan 10.1 peratus dalam industri Makanan, minuman dan tembakau, serta Produk petroleum, kimia, getah dan plastik yang meningkat 10.4 peratus.

Aktiviti **Pembinaan** merekodkan pertumbuhan 4.6 peratus pada tahun 2024 berbanding 2.6 peratus pada tahun sebelumnya. Selain itu, aktiviti **Perlombongan & pengkuarian** mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan iaitu 2.4 peratus (2023: 2.7%), manakala aktiviti **Pertanian** meningkat 3.1 peratus (2023: 0.8%).

Struktur kekal sebagai pemacu utama PMTK mengikut jenis aset dengan mewakili 51.5 peratus daripada jumlah keseluruhan PMTK, meningkat 15.3 peratus berbanding 6.1 peratus pada harga malar bagi tahun 2024.

Sektor Swasta terus menjadi penyumbang utama kepada PMTK yang merangkumi 77.4 peratus daripada jumlah pelaburan. Sektor ini berkembang 12.3 peratus berbanding 4.5 peratus pada tahun 2023. Sementara itu, pelaburan dalam sektor Awam turut menunjukkan trend peningkatan yang sama dengan pertumbuhan 11.1 peratus berbanding 8.5 peratus pada tahun 2023.



KDNK PMKS Malaysia bertumbuh 5.8 peratus pada tahun 2024 berbanding 4.9 peratus pada tahun 2023. Prestasi ini mengatasi pertumbuhan kedua-dua KDNK Malaysia keseluruhan dan KDNK Bukan PMKS yang masing-masing meningkat 5.1 peratus dan 4.7 peratus. Pada tahun 2024, sumbangan PMKS kepada KDNK meningkat daripada 39.3 peratus pada tahun 2023 kepada 39.5 peratus dengan nilai ditambah RM652.4 bilion (2023: RM616.6 bilion) Pertumbuhan PMKS dipacu terutamanya oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan yang kedua-duanya menyumbang 84.7 peratus kepada KDNK PMKS.

PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS) 2024



KDNK Malaysia
Pada harga malar 2015

5.1%
RM1,650.3b

Bukan PMKS

4.7%
RM997.9b



PMKS
5.8%
RM652.4b

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR PMKS

Prestasi PMKS kepada KDNK
39.5% **5.8%** | **4.9%**



Sumbangan



54.8



Pertanian

2.5% | **0.8%**



48.8



Pembinaan

17.3% | **5.8%**



43.1



Perkhidmatan

5.7% | **6.5%**



34.1



Pembuatan

5.0% | **1.5%**



3.1



Perlombongan & pengkuarian
 3.8% | **4.4%**

Nota:

- Sumbangan Perubahan peratusan tahunan
- b merujuk kepada bilion
- Tahun **2024** | **2023**

Nilai ditambah PMKS dalam sektor **Perkhidmatan** berkembang 5.7 peratus pada tahun 2024, menyederhana daripada 6.5 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi ini disokong oleh pertumbuhan positif dalam semua subsektor, terutamanya Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan pada 4.5 peratus (2023: 5.8%), Kewangan, insurans, hartaanah dan perkhidmatan perniagaan pada 8.4 peratus (2023: 6.1%), Pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi pada 8.6 peratus (2023: 10.6%) dan Perkhidmatan lain pada 5.3 peratus (2023: 8.9%).

Kedua-dua sektor **Pembuatan** dan **Pertanian** masing-masing menunjukkan pertumbuhan yang lebih baik pada tahun 2024 dengan pengembangan 5.0 peratus (2023: 1.5%) dan 2.5 peratus (2023: 0.8%). Pertumbuhan sektor Pembuatan disumbangkan oleh subsektor Pembuatan lain yang melonjak kepada 3.9 peratus selepas mengalami penurunan 0.4 peratus pada tahun sebelumnya. Selain itu, Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka turut berkembang 8.1 peratus (2023: 5.3%). Bagi sektor Pertanian pula, pertumbuhan dipacu oleh subsektor Getah, kelapa sawit, ternakan dan Pertanian lain yang bertumbuh 2.6 peratus serta subsektor Perikanan yang meningkat 3.1 peratus.

Bagi komposisi KDNK PKMS pula, Sektor Perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar dalam aktiviti PMKS dengan sumbangan 64.8 peratus, diikuti oleh sektor Pembuatan dengan 19.9 peratus. Sektor Pertanian pula menyumbang sebanyak 8.7 peratus kepada KDNK PMKS. Sementara itu, sektor Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang 5.0 peratus dan 0.5 peratus.



KERATAN AKHBAR

Malaysia
Berita

HumanResource

Region: Malaysia Change ▾



首页 最新 头条 热门 国内 国际 吉隆坡 财经 娱乐 地方 体育 图刊 学海 亚洲人 百格 在线

DOSM: Pampasan Pekerja Sumbang 33.6 Peratus Kepada KDNK 2024



PETAUDI JAYA: Pampasan Pekerja (PP) meningkat 8.1 peratus pada 2024 dan menyumbang 33.6 peratus kepada Kekurangan Dalam Negeri KDNK) nominal negara.

Ketua Perangkaian Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd Uzir Mohd berkata, KDNK nominal Malaysia berkembang 5.9 peratus dan mencapai RM83 bilion tanpa itu, sejaya dengan peningkatan prestasi ekonomi dan posaran buruh.

"Peningkatan ini menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mengelakkan lemah bantuan pendapatan kepada tenaga kerja."

Setakat ini, setiap orang muncul dari pertambahan tertinggi sistem PP, masing-masing meningkat 5.5 peratus.

Sektor Perikanan dan Perusahaan mencatatkan pertambahan tertinggi sistem PP, masing-masing meningkat 8.0 peratus, diikuti sektor Pembuatan, Perfinian dan Perkhidmatan.

Employee compensation gains ground in GDP contributions

In similar updates, a separate report by DOSM showed that compensation of employees (CE) expanded by 6.2% in 2024, contributing 33.6% to Malaysia's nominal GDP of RM1.9tn. This marked an improvement over the previous year's 4.6% growth and a slightly higher share of GDP (2023: 33.5%).

The positive trend was driven by a few key indicators:

- Labour force participation hit a new high of 70.6%, and employment rose 3.5% to 16.37mn.
- Meanwhile, unemployment dipped to 3.2%.
- Policy levers such as the revised minimum wage of RM1,500 and the rollout of the **Public Service Remuneration System (SSPA)** in December 2024 also contributed to this momentum.

At a sectoral level, CE growth was most pronounced in the construction sector, which rose by 18%, followed by agriculture (11.1%) and mining & quarrying (14.2%). Services, which accounted for 62.3% of all CE, saw a 5.5% growth – led by wholesale and retail trade, food & beverages, and accommodation, Manufacturing, the second-largest CE contributor at 22.5%, posted a more modest growth of 2.2%.

Despite the progress, capital income remains dominant. Gross Operating Surplus (GOS) made up 63.7% of GDP growing by 5.0% in 2024 after a contraction the previous year, while Net Taxes rose 29.3% – noted as the strong showing since 2017, driven by higher tax revenues.

时间 | 即时报导 | 15:57pm 30/07/2025 | 1944点阅

大马统计局: 2024年雇员薪酬增长6.1%



(图片来源: 中国日报)

(吉隆坡30日讯) 统计局公布, 2024年雇员薪酬增长6.1%, 占名义国内生产总值(GDP)的33.6%。

统计局在最新报告中说, 2024年, 大马按当年价格计算的国内生产总值增长5.9%, 相较于前一年的1.6%温和增长大有提升, 主要是绝大多数行业保持增长, 特别是服务业与农业, 而矿业与采石业则下滑。

雇员薪酬对国内生产总值的贡献为33.6%, 较前一年的33.5%略有上升, 并录得6.1%的增长, 高于2023年的4.6%。

BERITA

Utama Nasional Laporan khas Ekonomi Jenayah Dunia Sukan Hiburan

Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK) Malaysia catat RM352.3 bilion

BERNAMA • Delights 29 July 2025 12:44 PM



Photo: Bernama

KUALA LUMPUR, 29 Julai: Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK) Malaysia mencatatkan nilai RM352.3 bilion pada harga pasar global bagi tahun 2024 berbanding RM314.8 bilion pada tahun 2023.

Peringkat itu didorong oleh aliran masuk pelaburan asing (FDI) yang cukup kuat pertumbuhan berhuruhan dalam pelaburan domestik.

Menurut Ketua Pengangkutan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd Uzir Mohd, PMTK kelak sebagai komponen kedua terbesar kepada KDNK merangkumi 2.3 peratus daripada kesuruhan ekonomi.

*PMTK mencatatkan pertumbuhan dua angka sebanyak 12 peratus pada tahun 2024, berbanding 8.4 peratus pada tahun 2023.

MONEY

Stats Dept: Malaysia's capital formation surges to RM352.3b in 2024, fuelled by services and manufacturing

• C • F



Photo: Bernama - Construction workers at a construction site in Kuala Lumpur, Malaysia, July 29, 2024. Malaysia's capital formation reached a record high in 2024, particularly in the services and manufacturing sectors. — Bernama pic

Stay updated on the latest news and insights. Subscribe to our newsletter [here](#)

Tuesday, 29 Jul 2025, 2:32 PM MYT

KUALA LUMPUR, July 29 — Malaysia's Gross Fixed Capital Formation (GFCF) recorded double-digit growth of 12.0 per cent to RM352.3 billion in 2024, compared with RM314.8 billion in 2023, driven by strong foreign direct investment inflows and sustained domestic investment growth.

Business

Malaysia's GFCF surges 12% to RM352.3 bln in 2024, led by services

theSun Local

2025-07-29 02:32 PM



Photo: Bernama

KUALA LUMPUR: Malaysia's Gross Fixed Capital Formation (GFCF) recorded double-digit growth of 12.0 per cent to RM352.3 billion in 2024, compared with RM314.8 billion in 2023, driven by strong foreign direct investment inflows and sustained domestic investment growth.

BERITA TEMPATAN

PMKS sumbang RM652.4 bilion kepada KDNK pada 2024: Ewon

August 5, 2025

665 0 0

[Facebook](#) [Twitter](#) [Pinterest](#) [WhatsApp](#)



KUALA LUMPUR: Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedict berkata, Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) mencatatkan prestasi cemerlang dengan menyumbang sebanyak RM652.4 bilion atau 39.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri KDNK) Malaysia pada tahun 2024.

Beliau berkata, pencapaian ini mencerminkan daya tahan dan kebolehan PMKS untuk terus berkembang meskipun beroperasi dalam ketakstetuan global dan cabaran ekonomi semasa.

BUSINESS

MSMEs' GDP Grew 5.8% In 2024, Contributing RM652 Billion To The Economy

By Editor July 31, 2025



Malaysia's MSMEs GDP grew by 5.8 per cent in 2024, contributing RM652.4 billion in value added, or 39.5 per cent of Malaysia's GDP. According to the Department of Statistics, MSMEs recorded a slightly higher growth compared to Malaysia's overall GDP growth of 5.1 per cent in 2024. For comparison, the sector GDP increased by 4.9 per cent in 2023, with a value added of RM616.6 billion.

BUSINESS

Ekonomi negeri Malaysia kukuh pada 2024 - DOSM

by Nino Rozman
03/08/2025 | 12:40 MYT



Semua negeri merekodkan pertumbuhan positif pada tahun 2024 dengan lima negeri mengatasi pertumbuhan di peringkat nasional. - Gambar hissar/BERNAMA

PUTRAJAYA: Pertumbuhan ekonomi Malaysia terus mengukuh apabila kesemuanya negeri merekodkan pertumbuhan positif sepanjang tahun 2024, dengan lima daripadanya merekodkan kadar pertumbuhan melebihi purata negara 5.1 peratus.

Menurut Jabatan Perangkaian Malaysia (DOSM), semua negeri merekodkan pertumbuhan positif pada tahun 2024 dengan lima negeri mengatasi pertumbuhan di peringkat nasional.

*Datuahui Johor (6.4 peratus), diikuti Selangor (6.3 peratus), W.P. Kuala Lumpur (6.2 peratus), Pahang (5.7 peratus) dan W.P. Lubuk (5.4 peratus).



@StatsMalaysia

ASEAN
MALAYSIA 2025
KETERANGANNA DAN KEMAMPUAN

MALAYSIA
MADANI
kemampanan

ODIN
OPEN DATA INVENTORY
MASA DEPAN
PERCERAPAN DI DUNIA

20 Oktober
2016 - 2030

2016 - 2030
SUSTAINABLE GOALS MALAYSIA